



Voice of Academia

Academic Series of Universiti Teknologi MARA Kedah



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

University Publication Centre (UPENA)

Economics, Business & Finance

Warranty and its Effect towards Customer Satisfaction in Malaysia's Electronic Industry

Mohd. Rizaimy Shaharudin
Maznah Wan Omar
Anita Abu Hassan
Azyyati Anuar

Stock Market Volatility and Exchange Rate Regime in Malaysia : A Preliminary Analysis

Noor Zahirah Mohd Sidek
Norridzwan Abidin
Azli Umar

Product Quality Dimension Ranking: The Preference of National Motorcycle Brand Customers

Anita Abu Hassan
Mohd Rizaimy Shaharudin

Exploring Young Consumers' Purchase Intention towards Foreign Brands

Etty Harniza Harun
Nor Hidayah Abdullah

Penyesuaian Semula Repatriat untuk Kembali Bekerja di Tanah Air

Mahazir Ismail

Law

The position of a Child Offender under the Laws of Preventive Detention in Malaysia

Sarirah Che Ros
Irma Kamarudin

Surrogate Mother Makes Money by Making Baby: Do We Need a Clear Law on this?

Irma Kamarudin
Sarirah Che Ros

Prosedur Perbicaraan Kes Jenayah Kanak-kanak di Mahkamah Tinggi

Sarirah Che Ros

Education

Combating Plagiarism in the Classroom

Wong Soon Heng
Ho Chui Chui

Development of New Curriculum for Bachelor's Degree in Sustainable Design

Shahriman Zainal Abidin
Muhammad Fauzi Zainuddin
Hasnul Azwan Azizan

Revisiting Thinking Curriculum

Bawani Selvaraj

Hubungan antara Tahap Komitmen Guru Terhadap Organisasi dan Gaya Kepimpinan Guru Besar

Law Kuan Poh
Law Kuan Kheng

Others

*Design Through Research: Handpicking Tools
Case Study as Facilitator to Collaborative
Product Development*

*Azmir Mamat Nawi
Wan Zaiyana Mohd Yusof*

*Barisan Nasional di Ruang Maya: Isu-isu
Berbangkit di Facebook Menjelang Pilihanraya
Umum ke - 13*

*Badrul Azmier Mohamed@ Bakar
Azni Syafena Andin Salamat
Mujibu Abd. Muis
Mahazril 'Aini Yaacob
Nur Zaffa Kamaruzaman
Zaliha Hj. Hussin*

*Ibn Al-Athir Al-Jazari dan Sumbangannya
dalam Ilmu Gharib Al-Hadith*

*Siti Aisyah Yusof
Muhammad Saiful Islami Mohd
Taher*



ACADEMIC SERIES COMMITTEE UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA KEDAH

Editor-in-Chief

Noor Zahirah Mohd Sidek (Dr.)
Aishah Musa

Advisory Board

Aishah Musa	Suhardi Wan Mansor
Dahlia Ibrahim	Syakirah Mohamed
Daing Maruak Sadek	Syed Mohammed Alhady Syed Ahmad Alhady
Junaida Ismail	Prof. Madya Wan Faizah Wan Abdullah
Mahadir Ladisma	Prof. Madya Wan Zulkipli Wan Salleh
Mohd Rizaimy Shaharudin	Wong Soon Heng
Nizar Nazrin	Zanariah Idrus
Sarirah Che Ros	Graphic
	Asrol Hasan

Special Tasks

Aishah Musa	Sharina Saad
Bawani Selvaraj	Siti Ajar Ikhsan (USM)
Ho Chui Chui	Suzana Muhammad (Dr., USM)
Nurazila Abdul Aziz	Syazliyati Ibrahim
Rita Maria Dourado	

Review Board

Abdul Ghani Abdullah (Assoc. Prof. Dr.) Universiti Sains Malaysia	Mohd. Asmadi Yakob (Dr.) Universiti Teknologi MARA
Ahmad Azman Mokhtar (Dr.) Universiti Teknologi MARA	Norzaidi Mohd Daud (Assoc. Prof. Dr.) Universiti Teknologi MARA
Anita Abdul Rahim (Dr.) Universiti Kebangsaan Malaysia	Shahriman Zainal Abidin (Dr.) Universiti Teknologi MARA
Che Thalbi Md. Ismail (Dr.) Universiti Utara Malaysia	Shahrina Md. Nordin (Assoc. Prof. Dr.) Universiti Teknologi Petronas
Ferry Jie (Dr.) Royal Melbourne Institute of Technology, Australia	Sivamurugan Pandian (Assoc. Prof. Dr.) Universiti Sains Malaysia
Jamaludin Akbar (Dr.) Universiti Teknologi MARA	Siti Suhaily Surip Universiti Sains Malaysia
Mahazir Ismail (Dr.) Universiti Teknologi MARA	Zarina Mustafa (Dr.) Universiti Sains Malaysia

Copyright © 2011 by the Universiti Teknologi MARA, Kedah

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system, or transmitted in any form or any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without prior permission, in writing, from the publisher.

© *Voice of Academia* is jointly published by the Universiti Teknologi MARA, Kedah and Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA Malaysia, Shah Alam, Selangor.

The views, opinions and technical recommendations expressed by the contributors and authors are entirely their own and do not necessarily reflect the views of the editors, the Faculty or the University.

CONTENTS	PAGE
<hr/>	
<i>Economics, Business & Finance</i>	
Warranty and its Effect towards Customer Satisfaction in Malaysia's Electronic Industry	1
Stock Market Volatility and Exchange Rate Regime in Malaysia : A Preliminary Analysis	17
Product Quality Dimension Ranking: The Preference of National Motorcycle Brand Customers	31
Exploring Young Consumers' Purchase Intention towards Foreign Brands	39
Penyesuaian Semula Repatriat untuk Kembali Bekerja di Tanah Air	57
<hr/>	
<i>Law</i>	
The position of a Child Offender under the Laws of Preventive Detention in Malaysia	83
Surrogate Mother Makes Money by Making Baby: Do We Need a Clear Law on this?	95
Prosedur Perbicaraan Kes Jenayah Kanak-kanak di Mahkamah Tinggi	109
<hr/>	
<i>Education</i>	
Combating Plagiarism in the Classroom	125
Development of New Curriculum for Bachelor's Degree in Sustainable Design	135
Revisiting Thinking Curriculum	153
Hubungan antara Tahap Komitmen Guru Terhadap Organisasi dan Gaya Kepimpinan Guru Besar	161
<hr/>	
<i>Others</i>	
Design Through Research: Handpicking Tools Case Study as Facilitator to Collaborative Product Development	181
Barisan Nasional di Ruang Maya: Isu-isu Berbangkit di Facebook Menjelang Pilihanraya Umum ke - 13	191
Ibn Al-Athir Al-Jazari dan Sumbangannya dalam Ilmu Gharib Al-Hadith	205



Voice of
Academia

Academic Series of Universiti Teknologi MARA Kedah





Voice of
Academia

Academic Series of Universiti Teknologi MARA Kedah



Prosedur Perbicaraan Kes Jenayah Kanak-kanak di Mahkamah Tinggi

Sarirah Binti Che Rose

Law Department, Universiti Teknologi MARA, Kedah, 08400 Merbok, Kedah

E-mail: sarirah@kedah.uitm.edu.my

ABSTRAK

Akta Kanak-kanak 2001 digubal khusus untuk memberikan perlindungan yang komprehensif kepada kanak-kanak yang memerlukannya, termasuklah kanak-kanak yang melakukan kesalahan atau jenayah yang dikenali sebagai pesalah kanak-kanak. Akta Kanak-kanak 2001 memperuntukkan dengan jelas bahawa semua prosedur penangkapan, penahanan dan perbicaraan seseorang pesalah kanak-kanak perlulah mengikut peruntukan yang telah ditetapkan dalam Akta Kanak-kanak 2001. Pesalah kanak-kanak dibicarakan di Mahkamah Bagi Kanak-kanak bagi semua kesalahan kecuali kesalahan yang boleh dikenakan hukuman mati. Oleh itu, bagi kesalahan yang boleh dikenakan hukuman mati, pesalah kanak-kanak akan dibicarakan di Mahkamah Tinggi. Walau bagaimanapun, tiada peruntukan yang jelas dalam Akta Kanak-kanak 2001 dan undang-undang bertulis yang lain yang menerangkan keperluan penggunaan Akta Kanak-kanak 2001 dalam prosiding di Mahkamah Tinggi. Oleh hal yang demikian, kertas kerja ini adalah untuk melihat dan mengupas penggunaan Akta Kanak-kanak 2001 dalam prosiding jenayah di Mahkamah Tinggi melalui pendekatan dan pendapat hakim-hakim dalam kes-kes yang telah diputuskan.

Katakunci: Kes jenayah, kanak-kanak, prosiding jenayah, hukuman mati, Mahkamah Tinggi

1. Pengenalan

Masalah kanak-kanak merupakan satu isu global. Oleh hal yang demikian itu, satu pendekatan awal telah diambil oleh Malaysia untuk menggubal Akta Mahkamah Juvana 1947 (Shamsiah, 2004). –Pada tahun 1995, Malaysia menyertai Konvensyen Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC) yang mempunyai 54 Artikel di dalamnya yang telah diterima-pakai dalam Undang-undang Antarabangsa setelah dibentangkan di Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu pada 20 November 1989.

CRC merupakan satu panduan pelaksanaan yang standard bagi negara-negara yang menyertainya (Aneeta, 1999). Sehubungan dengan itu, Malaysia merupakan salah sebuah negara pertama yang menggubal akta berkaitan Sistem Pengadilan Juvana iaitu Akta Kanak-kanak 2001 (Shamsiah, 2004).

Akta Kanak-kanak 2001 (selepas ini disebut sebagai Akta Kanak-kanak) telah diwartakan pada 1 Mac 2001 dan dikuatkuasakan secara rasmi pada 1 Ogos 2002 selaras dengan penguatkuasaan pindaan Kanun Kesiksaan yang memuatkan aspek-aspek yang tidak dapat dimasukkan ke dalam Akta Kanak-kanak.

Akta Kanak-kanak merupakan gabungan tiga akta iaitu Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991, Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 dan Akta Mahkamah Juvana 1947. Ketiga-tiga akta tersebut walau bagaimanapun telah dimansuhkan menerusi seksyen 130 Akta Kanak-kanak. Akta Mahkamah Juvana 1947 dan Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991 digabungkan sepenuhnya ke dalam Akta Kanak-kanak tetapi bagi Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973, mana-mana peruntukan yang tidak boleh digabungkan dimasukkan ke dalam Kanun Kesiksaan (Mimi, 2001).

Akta Kanak-kanak digubal khusus untuk memberikan perlindungan, penjagaan dan pemulihan kepada kanak-kanak. Akta Kanak-kanak bukan sahaja mengiktiraf kanak-kanak sebagai komponen penting dalam masyarakat –tetapi juga sebagai kunci kehidupan, pembangunan dan kemakmuran masyarakat.

2. Definisi Kanak-kanak

Seksyen 2 Akta Kanak-kanak mendefinisikan kanak-kanak sebagai seorang yang berumur di bawah lapan belas tahun. Had umur ini selari dengan Artikel 1 Konvensyen Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC).

Akta Kanak-kanak mengekalkan definisi kanak-kanak di dalam Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991 yang sekali gus menghuraikan kekeliruan mengenai definisi kanak-kanak yang diperuntukkan di dalam akta-akta sebelum ini. Kini, tiada lagi perbezaan had umur antara kanak-kanak dengan orang muda seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Mahkamah Juvana 1947 dahulu (Sarirah & Mumtaj, 2004).

Oleh itu, sekiranya merujuk seseorang yang berumur tujuh belas tahun, contohnya, ia hanya disebut sebagai kanak-kanak yang berumur tujuh belas tahun dan bukan lagi orang muda atau juvana.

3. Tanggungan Jenayah terhadap kanak-kanak

Dalam prosiding jenayah, seseorang kanak-kanak dikenakan tanggungan sekiranya telah mencapai umur yang boleh dikenakan tanggungan jenayah seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 82 dan 83 Kanun Kesiksaan.

Seksyen 82 Kanun Kesiksaan memperuntukkan bahawa tidak menjadi kesalahan jenayah yang dilakukan oleh kanak-kanak yang berumur di bawah sepuluh tahun. Anggapan bahawa kanak-kanak ini tidak berupaya melakukan kesalahan jenayah ialah suatu yang tidak boleh dipertikaikan (Nasimah, 2004). Seksyen ini memberikan perlindungan yang mutlak kepada kanak-kanak di bawah sepuluh tahun yang melakukan kesalahan jenayah kerana dia dianggap sebagai doli incapax (tidak berupaya melakukan kesalahan) (Nasimah, 2004).

Manakala seksyen 83 Kanun Kesiksaan memperuntukkan bahawa perbuatan yang dilakukan oleh kanak-kanak berumur lebih daripada sepuluh tahun dan kurang daripada dua belas tahun yang belum cukup matang pemahamannya untuk membuat pertimbangan mengenai keadaan dan akibat perbuatannya pada masa itu, adalah tidak menjadi satu kesalahan. Peruntukan dalam seksyen ini adalah tidak mutlak dan bersyarat (Nasimah,

2004). Kanak-kanak pada peringkat umur ini masih dianggap sebagai doli incapax tetapi anggapan tersebut boleh dipertikaikan bergantung pada tahap kefahamannya terhadap keadaan dan akibat perbuatan jenayah yang dilakukannya (Nasimah, 2004).

Berdasarkan peruntukan seksyen 82 dan 83 tersebut, dapat difahami bahawa kanak-kanak yang berumur lebih daripada dua belas tahun tetapi di bawah lapan belas tahun boleh dikenakan tanggungan jenayah sekiranya disabitkan kesalahan mengikut prosedur yang ditetapkan di bawah Akta Kanak-kanak.

Walau bagaimanapun, tahap umur yang ditetapkan ini dikatakan sebagai khayalan perundangan (legal fiction) kerana pada hakikatnya kanak-kanak yang berusia bawah sepuluh tahun sudah mampu melakukan jenayah (Abdul Halim, 2004).

Menurut Anita dan Chua (2009), seksyen 83 Kanun Acara Jenayah harus dimansuhkan kerana konsep perlindungan yang diamalkan tidak masuk akal. Perlindungan diberikan berdasarkan andaian belum cukup matang bagi kanak-kanak yang berumur sepuluh hingga dua belas tahun. Tidakkah ada dalam kalangan kanak-kanak yang berumur lebih daripada dua belas tahun yang mempunyai perkembangan mental yang belum cukup matang? Oleh itu, seksyen 83 lebih mementingkan tahap umur berbanding tahap kematangan pesalah kanak-kanak itu.

4. Penubuhan dan Bidang kuasa Mahkamah Bagi Kanak-kanak

Mahkamah Bagi Kanak-kanak terdiri daripada Majistret yang dibantu oleh dua orang penasihat, seorang daripada dua orang penasihat itu ialah seorang wanita (seksyen 11(2) Akta Kanak-kanak).

Fungsi-fungsi penasihat ialah memaklumkan dan menasihati Mahkamah Bagi Kanak-kanak mengenai apa-apa pertimbangan yang menyentuh perintah yang dibuat berdasarkan suatu dapatan bersalah atau perlakuan lain yang berkaitan terhadap mana-mana kanak-kanak yang dibawa ke hadapan dan jika perlu menasihati ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak itu.

Mahkamah Bagi Kanak-kanak bersidang sama ada di dalam suatu bangunan atau bilik yang berlainan daripada bangunan atau bilik di mana persidangan mahkamah-mahkamah selain Mahkamah Bagi Kanak-kanak diadakan atau pada hari-hari yang berlainan daripada hari-hari persidangan mahkamah-mahkamah yang lain itu diadakan (seksyen 12(1) Akta Kanak-kanak).

Sekiranya Mahkamah Bagi Kanak-kanak bersidang di dalam bangunan yang sama dengan mahkamah-mahkamah yang lain, Mahkamah Bagi Kanak-kanak mempunyai pintu masuk dan pintu keluar yang berlainan daripada pintu masuk dan pintu keluar mahkamah-mahkamah yang lain itu untuk membolehkan kanak-kanak dibawa keluar dan masuk tanpa gangguan (seksyen 12(2) Akta Kanak-kanak).

Mahkamah Bagi Kanak-kanak ditubuhkan untuk mendengar, memutuskan atau menyelesaikan apa-apa pertuduhan terhadap seseorang kanak-kanak atau menjalankan apa-apa bidang kuasa lain yang diberikan kepada Mahkamah Bagi Kanak-kanak di bawah Akta Kanak-kanak atau oleh mana-mana undang-undang bertulis yang lain.

Walau bagaimanapun, Mahkamah Bagi Kanak-kanak tiada bidang kuasa untuk mendengar kes-kes yang boleh membawa hukuman mati (seksyen 11(5) Akta Kanak-kanak) seperti membunuh, mengedar dadah, memiliki senjata api dan sebagainya. Begitu juga dengan kesalahan yang dilakukan oleh kanak-kanak bersama dengan orang dewasa (seksyen 83(4) Akta Kanak-kanak), contohnya, merompak, membunuh, merogol dan sebagainya bersama-sama dengan tertuduh dewasa. Bagi kes-kes sedemikian, pesalah kanak-kanak akan dibicarakan di Mahkamah Tinggi.

5. Perintah Terhadap Pesalah Kanak-kanak

Seksyen 91(2) Akta Kanak-kanak melarang perkataan ‘sabitan’ dan ‘hukuman’ digunakan berhubung dengan pesalah kanak-kanak yang dihadapkan ke Mahkamah Bagi Kanak-kanak. Sebaliknya ia hendaklah diganti dengan perkataan ‘didapati bersalah’ dan ‘perintah yang dibuat kerana didapati bersalah’.

Mahkamah Bagi Kanak-kanak mempunyai bidang kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 91(1) Akta Kanak-kanak bagi mengeluarkan

perintah terhadap pesalah kanak-kanak, antaranya:

5.1 Ditahan di Tempat Tahanan

Terdapat beberapa tempat yang dijadikan penempatan bagi pesalah kanak-kanak seperti asrama akhlak, sekolah diluluskan, Sekolah Henry Gurney dan penjara. Walau bagaimanapun, kanak-kanak di bawah umur sepuluh tahun tidak boleh dimasukkan ke tempat-tempat tersebut (Seksyen 62 dan 66 Akta Kanak-kanak). Hal ini bermakna pesalah kanak-kanak yang berumur lebih sepuluh tahun tetapi kurang empat belas tahun hanya boleh ditempatkan di asrama akhlak dan sekolah yang diluluskan. Manakala penempatan di Sekolah Henry Gurney dan penjara hanyalah bagi pesalah kanak-kanak yang berumur empat belas tahun ke atas (Seksyen 74 dan 96 Akta Kanak-kanak).

i) Sekolah Yang Diluluskan

Seseorang pesalah kanak-kanak dimasukkan ke sekolah yang diluluskan kerana melakukan apa-apa kesalahan seperti keluarga pesalah kanak-kanak tersebut tidak berupaya mengawal kelakuannya, pesalah kanak-kanak itu sendiri memerlukan pemulihan dan akhir sekali pada pendapat mahkamah ialah suaimanfaat untuk kanak-kanak itu dimasukkan ke sekolah yang diluluskan untuk tujuan memulihkan akhlaknya. (Seksyen 67 Akta Kanak-kanak).

ii) Sekolah Henry Gurney

Manakala Sekolah Henry Gurney pula adalah bagi pesalah kanak-kanak yang bersalah atas apa-apa kesalahan yang boleh dihukum dengan hukuman penjara, keluarga kanak-kanak itu tidak dapat lagi mengawal kelakuannya, kanak-kanak itu bergaul dengan orang-orang yang tidak baik, kanak-kanak itu sesuai dipulihkan di Sekolah Henry Gurney dan akhir sekali pada pendapat mahkamah kesalahan yang dilakukan itu adalah daripada jenis yang serius dan penahanan pesalah kanak-kanak itu di Sekolah Henry Gurney adalah sesuai untuk memulihkan akhlaknya dan membanteras jenayah (Seksyen 75 Akta Kanak-kanak).

iii) Penjara

Penahanan pesalah kanak-kanak di penjara pula hanya boleh dilakukan sekiranya tiada hukuman lain yang lebih sesuai seperti denda atau dihantar ke suatu tempat tahanan atau sekolah yang diluluskan atau Sekolah Henry

Gurney. (Seksyen 96(2) Akta Kanak-kanak). Hal ini bermakna, sekiranya hukuman lain itu adalah setimpal dengan kesalahan yang dilakukannya, maka hukuman penjara tidak layak dikenakan terhadap pesalah kanak-kanak itu.

Selain itu, pesalah kanak-kanak boleh dimasukkan ke penjara sebagai ganti kepada hukuman mati yang dijatuhkan oleh mahkamah (Seksyen 97 (2) Akta Kanak-kanak). Sekiranya pesalah kanak-kanak dimasukkan ke penjara ia hendaklah diasingkan dan tidak dibenarkan bergaul dengan banduan-banduan dewasa (Seksyen 96(3) Akta Kanak-kanak).

Jika seseorang diperintahkan supaya ditahan di penjara, Lembaga Hakim Pelawat bagi penjara itu hendaklah mengkaji semula kes orang itu sekurang-kurangnya sekali setahun; dan boleh mengesyorkan kepada Yang Di Pertuan Agong atau Raja atau Yang di Pertua Negeri supaya orang itu dilepaskan awal atau ditahan lanjut.

5.2 Sebatan

Sebatan ialah hukuman baharu untuk kanak-kanak, maka dengan itu cara pelaksanaan perintah sebat hendaklah mematuhi seksyen 92 Akta Kanak-kanak, iaitu:

- a) Sebelum sebatan dilaksanakan, kanak-kanak itu hendaklah diperiksa oleh seorang pegawai perubatan untuk diperakui bahawa kanak-kanak itu dalam keadaan kesihatan yang baik untuk menjalani sebatan itu;
- b) Menggunakan rotan yang ringan dengan kekuatan yang sederhana tanpa mengangkat tangannya melebihi kepalanya supaya tidak melukakan kulit kanak-kanak itu;
- c) Selepas mengenakan satu sebatan, dia hendaklah mengangkat rotan itu ke atas dan tidak menariknya;
- d) Sebatan boleh dikenakan pada mana-mana bahagian tubuh kecuali muka, kepala perut, dada atau bahagian-bahagian sulit;
- e) Kanak-kanak itu hendaklah memakai pakaian; dan
Jika semasa pelaksanaan sebatan itu pegawai perubatan memperakui
- f) bahawa kanak-kanak itu tidak lagi dapat menerima baki sebatan itu, sebatan itu hendaklah diberhentikan dengan muktamad.

5.3 Hukuman mati

Menurut seksyen 97, hukuman mati tidak boleh diumumkan atau direkodkan terhadap kanak-kanak yang didapati bersalah atas sesuatu kesalahan jika pada hemat Mahkamah dia ialah seorang kanak-kanak pada masa kesalahan itu dilakukan. Hal ini bertepatan dengan Artikel 37 Konvensyen Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Hak Kanak-kanak yang melarang hukuman mati dan penjara seumur hidup dikenakan terhadap pesalah kanak-kanak.

Sebagai ganti hukuman mati, Mahkamah akan memerintahkan supaya pesalah kanak-kanak itu ditahan dipenjarakan selama yang diperkenankan oleh:

- (a) Yang Di Pertuan Agong jika kesalahan itu dilakukan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur atau Wilayah Persekutuan Labuan; atau
- (b) Raja atau Yang di Pertua Negeri, jika kesalahan itu dilakukan di Negeri itu.

Walau apa pun kesalahan yang dilakukan oleh seseorang kanak-kanak dan mana-mana perintah yang dikenakan terhadapnya, ia tidak boleh menjadi sebahagian daripada rekod jenayah seperti pesalah dewasa. Dalam erti kata lain seseorang pesalah kanak-kanak tidak mempunyai rekod jenayah dan ia tidak diambil kira sekiranya kanak-kanak itu melakukan jenayah semasa ia dewasa.

6. Bidang kuasa dan Kaedah Perbicaraan di Mahkamah Tinggi

Terdapat beberapa kes Mahkamah Tinggi menggunakan Akta Kanak-kanak 2001 semasa membicarakan dan membuat keputusan terhadap pesalah kanak-kanak. Dalam PP Iwn Ahmad Jasni (2001) MLJU Lexis 519, seorang kanak-kanak berumur 12 tahun didakwa di Mahkamah Tinggi atas pertuduhan membunuh seorang budak perempuan berumur 5 tahun. Isu yang ditimbulkan dalam kes ini ialah sama ada hukuman mati mandatori boleh dikenakan ke atas kanak-kanak. Mahkamah memutuskan bahawa walaupun pesalah kanak-kanak itu melakukan kesalahan di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman mati, namun begitu seksyen 16 Akta Mahkamah Juvana 1947 dengan jelas memperuntukkan bahawa hukuman mati tidak boleh dikenakan ke atas kanak-kanak. Sebagai ganti pesalah kanak-kanak itu hendaklah ditahan selama tempoh, di tempat

dan di bawah syarat-syarat yang diperkenankan oleh Pihak Berkuasa Negeri Selangor Darul Ehsan.

Berdasarkan kes di atas, jelas menunjukkan bahawa Mahkamah Tinggi membuat keputusan terhadap pesalah kanak-kanak berdasarkan Akta Mahkamah Juvana 1947 (kini Akta Kanak-kanak 2001) iaitu pengecualian hukuman mati seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 16 Akta Mahkamah Juvana 1947 yang bersamaan dengan seksyen 97(1) dan (2) Akta Kanak-kanak.

Terdapat kes-kes lain Mahkamah Tinggi menggunakan Akta Kanak-kanak 2001. Dalam kes *Pendakwaraya lwn Vellertore a/l Ponnusamy* [2011] 8 MLJ 94, pesalah kanak-kanak dituduh bersama-sama bapanya atas kematian ketiga-tiga adiknya. Kemudian pesalah kanak-kanak ini dan bapanya cuba membunuh diri. Semasa perbicaraan pesalah kanak-kanak ini mengaku bersalah bagi kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 309 Kanun Kesiksaan iaitu cubaan membunuh diri yang membawa hukuman penjara. Mahkamah merujuk seksyen 91(e) Akta Kanak-kanak 2001, dengan itu pesalah kanak-kanak ini diletakkan di bawah perintah percubaan.

Dalam kes *Pendakwaraya lwn Khairul Al Sidek bin Lurin & Anor*[2010] 8 MLJ 1, pesalah kanak-kanak ini dituduh di bawah seksyen 302 Kanun Kesiksaan kerana membunuh si mati Mohd Azlie Hanif bin Gazali dengan menggunakan sebatang kayu dan tali pinggang. Pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes tanpa keraguan yang munasabah. Oleh itu, pesalah kanak-kanak ini diperintahkan supaya ditahan di penjara selama tempoh yang diperkenankan oleh Yang Di-Pertua Negeri of Sabah sebagai ganti kepada hukuman mati yang disabitkan ke atasnya menurut seksyen 97(2)(b) Akta Kanak-kanak 2001.

Begitu juga dalam kes *Mohd Haikal bin Mohd Khatib Saddaly & Ors lwn Pendakwaraya* [2009] 4 MLJ 305, lapan pesalah kanak-kanak merupakan pelajar Sekolah Menengah Agama Dato' Klana Petra Maamor, Ampangan, Seremban. Mereka dituduh di bawah seksyen 302 bersama-sama dengan seksyen 149 Kanun Kesiksaan bagi kesalahan membunuh Muhamad Farid bin Ibrahim, pelajar sekolah yang sama. Mahkamah Tinggi mendapati kesemua pesalah kanak-kanak ini bersalah dan memerintahkan supaya mereka ditahan di penjara selama tempoh yang diperkenankan oleh

Yang di Pertuan Besar of Negeri Sembilan menurut seksyen 97(2)(b) Akta Kanak-kanak 2001.

Manakala dalam kes Pendakwaraya lwn Low Hai Voon[2010] 8 MLJ 582, pesalah kanak-kanak yang berumur 14 tahun dan 9 bulan ini telah dituduh membunuh di bawah seksyen 302 Kanun Kesiksaan tetapi pertuduhan itu telah dikurangkan kepada membunuh tanpa niat di bawah seksyen 304(a) Kanun Kesiksaan. Pesalah kanak-kanak ini mengaku bersalah atas pertuduhan yang telah dikurangkan dan ia diterima oleh mahkamah. Mahkamah Tinggi merujuk s.91(f) Akta Kanak-kanak 2001 dan memerintahkan supaya pesalah kanak-kanak ini dihantar ke sekolah yang telah diluluskan sehingga ia mencapai umur 21 tahun.

Akhir sekali dalam kes Timbalan Pendakwaraya lwn. KK [2007] 6 CLJ 341, seorang pesalah kanak-kanak yang disebut sebagai "KK", telah dituduh melakukan pembunuhan dengan menyebabkan kematian si mati yang disebut sebagai "L", pada 30 Mei 2002 iaitu satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 302 Kanun Kesiksaan. Mahkamah telah mensabitkan KK dan memerintahkan dia ditahan di penjara selama diperkenan oleh Yang Di Pertuan Agong, di bawah seksyen 97(2) Akta Kanak-kanak.

Oleh itu, dua rumusan dapat dibuat dengan berdasarkan penghakiman oleh Yang Arif Hakim Ahmad Maarop, iaitu bidang kuasa Mahkamah Tinggi dan kaedah perbicaraan di Mahkamah Tinggi.

Bidang kuasa Mahkamah Tinggi

Seksyen 117 Akta Kanak-kanak memberikan kuasa kepada Mahkamah Tinggi untuk menggunakan kesemua peruntukan mengenai perbicaraan jenayah seperti yang di peruntukkan di bawah Kanun Acara Jenayah dan juga kesemua peruntukan di bawah Akta Kanak-kanak yang boleh digunakan oleh Mahkamah Bagi Kanak-kanak. Walaupun Mahkamah Tinggi dapat menjalankan fungsinya seperti yang diperuntukkan di bawah Kanun Acara Jenayah, fungsi-fungsi itu mestilah dijalankan sebagai tambahan kepada peruntukan-peruntukan di bawah Akta Kanak-kanak.

Sebagai kesannya, seksyen 117 Akta Kanak-kanak ialah, hanya seksyen 96 dan seksyen 97 Akta Kanak-kanak sahaja yang mesti dipatuhi oleh Mahkamah Tinggi dalam perbicaraan jenayah terhadap seorang

kanak-kanak yang menghadapi pertuduhan yang boleh dihukum dengan hukuman mati. Tiada apa-apa peruntukan di bawah Akta Kanak-kanak atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang mengehadkan atau menyekat Mahkamah Tinggi dalam menjalankan bidang kuasanya untuk membicarakan apa-apa kes jenayah yang melibatkan kanak-kanak yang dituduh dengan kesalahan yang boleh dihukum dengan hukuman mati.

Di bawah seksyen 22(1) Akta Mahkamah Keadilan 1964, dalam menjalankan bidang kuasa jenayahnya, Mahkamah Tinggi mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan kesemua kesalahan yang dilakukan dalam bidang kuasa tempatannya. Seksyen 22(2) Akta Mahkamah Keadilan 1964 juga memperuntukkan bahawa Mahkamah Tinggi boleh menjatuhkan apa-apa hukuman yang dibenarkan oleh undang-undang, termasuklah hukuman mati.

Daripada peruntukan tersebut, adalah jelas bahawa tiada apa-apa peruntukan lain dalam Akta Kanak-kanak dan undang-undang bertulis yang lain yang menyentuh kuasa-kuasa Mahkamah Tinggi melainkan peruntukan di bawah seksyen 96 dan seksyen 97 Akta Kanak-kanak sahaja.

Kaedah Perbicaraan Mahkamah Tinggi

a) Sama ada hakim Mahkamah Tinggi perlu bersidang dengan dua orang penasihat

Prosiding jenayah di Mahkamah Tinggi yang tertakluk kepada Kanun Acara Jenayah, tidak memperuntukkan bahawa seorang Hakim Mahkamah Tinggi perlu mendengar kes yang melibatkan kanak-kanak dengan dua orang penasihat. Menurut seksyen 18(1) Akta Mahkamah Keadilan 1964 juga, setiap prosiding Mahkamah Tinggi dan kesemua urusan yang timbul dari itu hendaklah dibicarakan di hadapan seorang hakim.

Hal ini dijelaskan dalam kes PP lwn Buri Hemna [1998] 2 CLJ Supp 296 . Dalam kes ini, tertuduh ialah seorang kanak-kanak yang telah dituduh dengan kesalahan mengedar dadah di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum dengan hukuman mati. Peguam yang mewakili yang tertuduh meminta Mahkamah untuk memper-timbangkan sama ada yang tertuduh patut dibicarakan oleh seorang hakim Mahkamah Tinggi dengan dibantu oleh dua orang penasihat. Dalam kes

tersebut Mahkamah Tinggi Pulau Pinang telah memutuskan bahawa tidak terdapat undang-undang bertulis yang menyatakan bahawa perbicaraan pesalah kanak-kanak oleh Mahkamah Tinggi tidak patut dibicarakan oleh seorang hakim sahaja seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 18(1) Akta Mahkamah Keadilan 1964. Tidak juga terdapat undang-undang bertulis lain yang memperuntukkan bahawa perbicaraan seorang pesalah kanak-kanak oleh Mahkamah Tinggi hendaklah dikendalikan dengan suasana dan seperti keadaan dalam Mahkamah Bagi Kanak-kanak. Malah, seorang hakim dibantu oleh dua orang penasihat tidak ada dalam undang-undang.

Oleh itu, ini jelas menunjukkan bahawa perbicaraan pesalah kanak-kanak di Mahkamah Tinggi adalah di hadapan seorang hakim sahaja. Keperluan dua penasihat seperti perbicaraan di Mahkamah Bagi Kanak tidak terpakai bagi prosiding jenayah di Mahkamah Tinggi.

b) Sama ada perbicaraan di Mahkamah Tinggi dibuat secara tertutup

Perbicaraan Mahkamah Bagi Kanak-kanak dijalankan secara tertutup dan hanya pihak-pihak yang terlibat dibenarkan berada semasa prosiding sedang berjalan. Walau bagaimanapun prosiding di Mahkamah Tinggi dijalankan sama ada secara terbuka atau tertutup mengikut hemat dan budi bicara hakim dengan merujuk seksyen 15(1) Akta Mahkamah Keadilan 1964 yang memperuntukkan bahawa tempat di mana Mahkamah bersidang untuk membicarakan apa-apa perkara, sivil atau jenayah hendaklah dianggap sebagai mahkamah terbuka kepada pihak awam, dengan syarat Mahkamah hendaklah mempunyai kuasa untuk mendengar apa-apa perkara secara tertutup (*in camera*) setelah berpuas hati yang ia dilakukan untuk kepentingan keadilan, keselamatan dan keamanan awam serta alasan-alasan lain yang mencukupi untuk melaksanakannya.

Manakala seksyen 7 Kanun Acara Jenayah memperuntukkan perkara yang hampir sama dengan seksyen 15(1) Akta Mahkamah Keadilan 1964 iaitu tempat di mana Mahkamah Jenayah bersidang untuk membicarakan apa-apa kesalahan hendaklah dianggap sebagai mahkamah terbuka kepada pihak awam

Hal ini bererti bahawa tempat di mana Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi bersidang hendaklah merupakan Mahkamah terbuka yang orang awam boleh memasukinya. Tetapi jika

Mahkamah berpuas hati bahawa ia adalah untuk kepentingan keadilan, keselamatan dan keamanan awam atau sebab-sebab lain yang mencukupi, Mahkamah boleh menjalankan budi bicaranya untuk mendengar kes-kes secara tertutup. Hanya pihak-pihak tertentu yang dibenarkan berada semasa prosiding sedang berjalan, iaitu, kakitangan mahkamah termasuk peguam, ahli keluarga tertuduh dan mangsa, saksi-saksi, wakil-wakil bona fide akhbar dan pegawai akhlak atau pegawai dari rumah kebajikan.

c) Sama ada peruntukan seksyen 91(2) Akta Kanak-kanak terpakai

Selain larangan yang diperuntukkan di bawah seksyen 96 dan seksyen 97 Akta Kanak-kanak tiada apa-apa peruntukan mengenai prosedur khas atau larangan yang diperuntukkan di bawah Akta Kanak-kanak, termasuk kaedah-kaedah perbicaraan, terpakai kepada Mahkamah Tinggi. Malahan, larangan penggunaan perkataan "sabitan" dan "hukuman" (conviction and sentence) di bawah seksyen 91(2) Akta Kanak-kanak yang terpakai pada perbicaraan di Mahkamah Bagi Kanak-Kanak, tidak terpakai pada perbicaraan seseorang kanak-kanak di Mahkamah Tinggi bagi suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan hukuman mati. Hal ini adalah kerana, tidak seperti seksyen 91 Akta Kanak-kanak, seksyen 97 Akta Kanak-kanak sendiri menggunakan perkataan "disabitkan" (convicted). Seksyen tersebut memperuntukkan bahawa hukuman mati tidak boleh diumumkan atau direkodkan terhadap seseorang yang disabitkan atas suatu kesalahan jika pada hemat Mahkamah dia seorang kanak-kanak pada masa kesalahan itu dilakukan.

d) sama ada tiga pilihan untuk membela diri yang biasa diberikan dalam perbicaraan jenayah boleh diberikan kepada pesalah kanak-kanak

Mengikut seksyen 90(9)(b) Akta Kanak-kanak, jika suatu kes prima facie telah dibuktikan terhadap pesalah kanak-kanak, ia boleh memilih sama ada memberikan keterangan secara bersumpah atau membuat apa-apa pernyataan yang ia ingini. Seksyen ini tidak menyatakan pilihan untuk berdiam diri. Persoalan yang timbul ialah sekiranya seksyen ini digunakan oleh hakim di Mahkamah Tinggi, bolehkah pesalah kanak-kanak itu berdiam diri?. Atau sekiranya seksyen ini tidak digunapakai, bolehkah pesalah kanak-kanak itu memberikan keterangan dalam kandang salah?.

Seperti yang telah diuraikan di atas, apabila Mahkamah Tinggi memerintahkan supaya pesalah kanak-kanak membela dirinya, prosedur yang terpakai adalah seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 181 hingga 182A Kanun Acara Jenayah.

Seksyen tersebut jelas memperuntukkan bahawa seseorang yang dituduh boleh memberikan keterangan secara bersumpah. Hak untuk berdiam diri tidak diperuntukkan secara spesifik di bawah seksyen 181 hingga 182A Kanun Acara Jenayah. Hak untuk berdiam diri ini ialah hak yang semestinya wujud lanjutan daripada prinsip asas dalam sistem pentadbiran keadilan jenayah di negara ini, bahawa beban untuk membuktikan kesalahan seseorang yang kena tuduh *beyond reasonable doubt* terletak pada bahu pihak pendakwa. Hak itu juga wujud daripada prinsip asas kaedah keadilan asasi bahawa setiap orang yang dituduh dengan suatu kesalahan jenayah hendaklah dianggap tidak bersalah sehingga dibuktikan sebaliknya. Itulah sebabnya maka apabila seseorang yang dituduh itu berdiam diri, *adverse inference* tidak boleh dibuat terhadapnya. Walaupun seksyen 181 hingga 182A Kanun Acara Jenayah tidak secara spesifik memperuntukkan hak untuk berdiam diri, hak itu masih wujud secara implikasi di bawah seksyen-seksyen tersebut.

Manakala hak untuk membuat pernyataan dari kandang orang kena tuduh ialah satu hak substantif seseorang yang dituduh yang kewujudannya tidak bergantung pada peruntukan spesifik di bawah Kanun Acara Jenayah. Hal ini boleh dilihat dalam kes PP lwn. Sanassi, hakim Mohamed Salleh menyatakan bahawa:

'It seems to me that the so called undoubted or traditional right of the accused to make an unsworn statement from the dock is purely an incident of history, political bondage or affiliation with a system of law we have so gainfully remained associated with which is responsible for most of our important legislation'.

Oleh itu, jelas menunjukkan bahawa tiga pilihan yang selama ini biasa diberikan kepada setiap orang kena tuduh dalam perbicaraan Jenayah di Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rendah di negara ini boleh diberikan kepada pesalah kanak-kanak iaitu, memberikan keterangan secara bersumpah, atau membuat pernyataan bukan secara bersumpah dari

kandang orang kena tuduh (unsworn statement from the dock), atau berdiam diri.

Kesimpulan

Dengan itu dapat disimpulkan bahawa Akta Kanak-kanak merupakan suatu piagam kanak-kanak dengan menyediakan perlindungan yang diperlukan olehnya. Perbincangan dalam kertas kerja ini menjelaskan bahawa seksyen 117 Akta Kanak-kanak memberikan kuasa kepada Mahkamah Tinggi untuk menggunakan peruntukan dalam Kanun Acara Jenayah dan Akta Kanak-kanak dalam mendengar kes-kes yang melibatkan pesalah kanak-kanak. Budi bicara hakim juga digunakan demi menjaga kepentingan pesalah kanak-kanak itu sendiri. Kaedah perbicaraan seseorang kanak-kanak yang dituduh dengan kesalahan yang boleh dihukum dengan hukuman mati, adalah tidak berbeza dengan kaedah perbicaraan seorang dewasa yang dituduh dengan kesalahan yang serupa. Yang berbeza hanyalah hukuman yang boleh dikenakan, seksyen 97 Akta Kanak-kanak melarang hukuman mati dikenakan ke atas seorang kanak-kanak yang telah disabitkan kesalahannya. Prosedur yang terpakai ialah prosedur perbicaraan jenayah di Mahkamah Tinggi seperti yang diperuntukkan di bawah BAB XX, Kanun Acara Jenayah.

Rujukan

Abdul Halim Sidek. (2004). Kedudukan Pesalah Kanak-kanak Dalam Undang-undang Di Malaysia. *Kertas Kerja di bentangkan di Seminar Kebangsaan Pencegahan Jenayah Juvana*. IKIM.

Anita Abdul Rahim & Chua M. Z. (2009). Andaian doli incapax: Kerelevanan dan pengaplikasian terma 'cukup akal menimbangkan' seksyen 83 Kanun Keseksaan dalam Undang-undang Jenayah Malaysia. *Malayan Law Journal* 6, i.

Akta Kanak-kanak 2001

Aneeta Kulasegaran.(1999). *Women's And Children's Rights – And The Protection Offered By Domestic Law*. Didapati dari www.lawyerment.com.my

Current Law Journal

Kanun Kesiksaan

Konvensyen Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC)

Malayan Law Journal

Mimi Kamariah Majid. (2001). Akta Kanak-kanak 2001: Satu Pendekatan Undang-undang Untuk Menangani Masalah Kanak-kanak dan Remaja Di Malaysia. *Kertas Kerja dibentangkan di Seminar Undang-undang dan Kerja Sosial*. Universiti Utara Malaysia.

Nasimah Hussin. (2004). Kedudukan Juvana Sebagai Pelaku Jenayah dalam Undang-undang Sivil: Satu Perbandingan. *Kertas Kerja dibentangkan di Seminar Kebangsaan Pencegahan Jenayah Juvana*. IKIM.

Perlembagaan Persekutuan

Sarirah Che Rose & Mumtaj Hassan. (2004). Akta Kanak-kanak 2001: Perlindungan Kepada Pesalah Kanak-kanak. *Kertas Kerja di bentangkan di Simposium Kebangsaan Kanak-kanak 2004*, Pulau Pinang.

Shamsiah Abdul Rahman. (2004). Jenayah Juvenil: Peranan Jabatan Kebajikan Masyarakat. *Kertas Kerja di bentangkan di Seminar Kebangsaan Pencegahan Jenayah Juvana*. IKIM.